

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 25

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan ekonomi COVID-19 yang negatif, berikan perincian mengenai anggaran kekurangan pendapatan Kerajaan untuk tahun kewangan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa pembentangan Belanjawan 2020, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 sebanyak RM244.5 bilion dengan andaian harga minyak mentah dunia Brent USD62 setong. Namun, krisis pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan situasi semasa, anggaran hasil dijangka mengalami pengurangan sekitar 18% berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah serta purata harga minyak mentah dunia Brent yang kekal rendah sekitar USD41 setong bagi tempoh Januari hingga 5 Ogos 2020.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi susulan penularan pandemik COVID-19 serta inisiatif percukaian termasuk pengecualian cukai dan penangguhan bayaran cukai perniagaan dalam sektor pelancongan. Sehubungan itu, mengambil kira faktor di atas, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 dijangka mencatat defisit fiskal 5.8% hingga 6.0% berbanding 3.2% daripada KDNK. Perincian anggaran hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2020 yang disemak semula akan dibentangkan bersekali dengan anggaran kedudukan kewangan tahun 2021 dalam Belanjawan 2021 yang dijadualkan pada 6 November 2020.

Sekian, terima kasih.